



JURNAL BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/rentas>

How to cite this article:

Muhammad Khairulanwar Abd. Ghani, & Mohd Tarmizi Hasrah. (2024). Rekonstruksi dalaman dialek Baling Purba. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 3, Julai, 2024. 217–241. <https://doi.org/10.32890/rentas2024.3.10>

REKONSTRUKSI DALAMAN DIALEK BALING PURBA

(Internal Reconstruction of Proto Baling)

¹Muhammad Khairulanwar Abd. Ghani &

²Mohd Tarmizi Hasrah

¹Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara

²Pusat Pengajian Bahasa,
Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia

¹Corresponding author: khairulanwar@uitm.edu.my

Received: 25/2/2024 Revised: 6/4/2024 Accepted: 24/5/2024 Published: 16/7/2024

ABSTRAK

Kajian ini, dengan menerapkan tatakaedah rekonstruksi dalaman, merupakan satu usaha untuk membina bentuk hipotetikal dialek purba yang diandaikan wujud pada suatu masa dahulu di salah satu kawasan terpencil di Semenanjung Tanah Melayu. Dialek purba yang dimaksudkan diistilahkan dalam kajian ini sebagai dialek Baling purba (DBP). Bagi mengoperasikan tatakaedah rekonstruksi dalaman, datanya dikumpul di lahan buah kampung sekitar Baling, Kedah. Kesemua kampung yang dikunjungi itu mewakili lahan varian dialek Melayu Baling (DMB). Hasil rekonstruksi menunjukkan DBP mempunyai 4 fonem vokal iaitu ***i*, ***u*, ***ə*, ***a* dan 18 konsonan iaitu ***b*, ***d*, ***g*, ***p*, ***t*, ***k*, ***m*, ***n*, ***ŋ*, ***j*, ***y*, ***s*, ***h*, **c*, ***j*, ***l*, ***w* dan ***ʃ*. Dari satu segi, jumlah fonem DBP sejajar dengan fonem bahasa Malayik purba (MP) dan dialek-dialek

turunannya. Dari segi yang lain, kewujudan fonem ****y** menunjukkan kemandiran DBP, maka dialek purba ini terpisah daripada dialek-dialek Melayu cabang semenanjung utara. Natijah dapatan ini ialah kemandirian DBP memerlukan untuk dikelaskan dalam pengelompokan yang baru.

Keywords: Dialek Melayu Baling, rekonstruksi dalaman, retensi, inovasi, Proto-Malayik.

ABSTRACT

*This study is an attempt to reconstruct the ancient form of a dialect that is assumed to exist in one area of the Malay Peninsula at one time, which is called in this study as a Proto Baling Dialect (PBD). The study area focused on eight villages around Baling, Kedah which represent eight variants of Baling Malay dialect (BMD). The phonological description is used to reconstruct the proto form of Baling Proto Dialect (BPD). In conclusion, the reconstruction results showed that the PBD has 4 vowel phonemes, namely ****i**, ****u**, ****ə**, ****a** and 18 proto consonants, namely ****b**, ****d**, ****g**, ****p**, ****t**, ****k**, ****m**, ****n**, ****ŋ**, ****j**, ****y**, ****s**, ****h**, ****c**, ****j**, ****l**, ****w** and ****j**. This means that Baling Malay is a dialect in its own right rather than merely being a subdialect of Kedah Malay, and should be considered as requiring its own clustering and nomenclature. Therefore, the state demarcation in Malaysia at present cannot be used as a basis for any research on the history of Malay dialect due to their relation to the ancient social factors.*

Keywords: Baling Malay dialect, internal reconstruction, innovation, language contact, Proto-Malayic.

PENGENALAN

Bahasa merupakan alat komunikasi yang digunakan oleh manusia untuk saling berinteraksi dan berhubung antara satu sama lain. Oleh sebab bahasa digunakan oleh penuturnya, maka penggunaan bahasa bagi setiap kelompok penutur adalah berbeza, bergantung pada pergaulan, cara hidup dan ruang geografi. Perbezaan ini seterusnya menyumbang kepada pembentukan sejenis alur pertuturan yang dikenali sebagai dialek, iaitu yang ditakrifkan sebagai ragam bahasa yang dapat dibezakan dengan tegas daripada ragam lain melalui ciri lafaz, kosa

kata dan/atau tatabahasa (Collins, 1989; Nor Hashimah, 2023). Walaupun berbeza secara tegas, tetapi dialek masih memperlihatkan persamaan dan kefahaman menyaling antara satu sama lain. Hal ini demikian kerana dialek, menurut perspektif historis, berasal daripada bahasa induk yang sama, justeru dianggap sebagai cabang kecil yang terpecar daripadanya (Chambers & Trudgill, 1998).

Tidak dinafikan bahawa pembentukan kawasan dialek dipengaruhi oleh sempadan politik dan pentadbiran negeri; kasus Rhenish Fan di Jerman merupakan buktinya yang terkenal (Chamber & Trudgill, 1998). Tanggapan mengenai penyebaran dialek berdasarkan perspektif ini disokong antara lainnya oleh Asmah (2008) yang merujuk khusus kepada dialek Melayu. Dalam karya tersebut, Asmah membincangkan pemerian dialek Melayu secara sinkronik dan diakronik yang dibangunkan daripada perspektif sempadan politik menyamai sempadan dialek. Hal ini dapat dilihat menerusi pembahagian bab-babnya mengikut nama negeri, selain pemilihan “subdialek” standard yang mewakili varian unggul bagi dialek di sesebuah negeri. Perspektif seperti ini lantas mengimplikasikan bahawa Asmah memang menerima konsep pembahagian dialek mengikut sempadan politik.

Faktanya ialah kita tidak boleh menolak bahawa faktor sempadan geografi juga mempengaruhi perbezaan dialek. Ada kalanya pengaruh asing atau dialek pendatang juga turut menyumbang kepada perubahan dialek di sesebuah kawasan (Trudgill, 2011). Contoh yang paling dekat ialah fenomena dialek di kawasan hulu Kedah, iaitu Baling. Kajian Shuib (1971) dapat memberikan sedikit gambaran kepada kita tentang fenomena variasi pertuturan yang berlaku di Baling. Menurutny, kewujudan variasi yang pelbagai di kawasan tersebut disebabkan oleh faktor migrasi atau penghijrahan. Kesannya, dialek Melayu di Baling terpecah kepada tiga, iaitu dialek Melayu Kedah, dialek Melayu Patani dan dialek Samsam. Soalnya, adakah kenyataan ini mewajarkan dialek Melayu di Baling dikelompokkan hanya sebagai variasi atau subdialek kepada dialek Melayu Kedah seperti yang dikemukakan, misalnya oleh Asmah (2008) dan Nur Faslin (2015)?

SELAYANG PANDANG KAJIAN DIALEK DI MALAYSIA

Jika diteliti sebaik mungkin, ternyata trend penyelidikan dialek di Malaysia kurang memberi tumpuan terhadap gejala dialek di

kawasan hulu. Yang ada hanyalah penelitian dialek Melayu secara umum. Walaupun terdapat dua atau tiga kajian yang cuba membawa dialek Melayu hulu ke kancah perbincangan akademik, namun perbincangannya terbatas pada aspek sinkronik sahaja. Dalam hal ini, nasihat Asmah (2008) berkaitan penyelidikan dialek amat penting untuk diamati dengan sesungguhnya. Dalam tulisan tersebut, beliau menyatakan bahawa aspek penting untuk ditegaskan dalam kajian dialektologi adalah analisis sinkronik dan diakronik secara serempak, iaitu melibatkan pemerian sistem linguistik yang dikaitkan dengan aspek historis dan perkembangannya. Walaupun begitu, masih ramai penyelidik meninggalkan aspek tersebut, dan lebih cenderung kepada wawasan Saussure (dalam Sueren, 1998) (aliran strukturalisme), iaitu penekanan hanya kepada huraian sinkronik semata-mata.

Disebabkan kekurangan yang dinyatakan tersebut, maka gejala linguistik dialek Melayu di kawasan hulu tidak dapat ditonjolkan secara menyeluruh. Soalnya ialah mengapakah penyelidikan dialek Melayu itu perlu dilihat dari perspektif diakronik? Persoalan ini sebenarnya telah lama dibahasakan oleh sarjana, antara yang terawal termasuklah McDavid (1974) dan Collins (1999). Menurut mereka, dialektologi dan linguistik sejarawi merupakan dua bidang yang tidak terpisah dan saling melengkapi. Jika sisi sinkronik digunakan untuk memerikan sistem fonologi, maka sisi diakronik pula bertujuan untuk membongkar proses fonologi (inovasi dan retensi) bagi menjawab persoalan berkaitan perkembangan sistem linguistik sesebuah dialek. Lantas, apabila maklumat mengenai inovasi dan retensi dialek tersebut berjaya dicerap dan diperikan dengan teliti, maka pengelompokan dapat dilakukan dengan mudah.

Satu perkara lagi yang menjadi isu asasi dalam kajian dialektologi Melayu adalah mengenai daftar kanonik dialek Melayu. Kalau di belek kajian yang sedia ada, ternyata masih ramai pengkaji yang setia menggunakan daftar kanonik lama (Asmah, 1979, 2008; Raja Mukhtaruddin, 1982; Nik Safiah, 1983; Zaharani, 1993, 2006; Tajul, 2002, 2014; Nur Faslin, 2015; Nur Syazwani & Sharifah Raihan, 2019). Penerimaan daftar kanonik tanpa penilaian kritis terhadap implikasi teoretis dan empiris yang mendasarinya secara tidak langsung menyekat perspektif sarjana ketika membuat penjejakan susur galur sesebuah dialek.

Sebagai contoh, telah berdekad-dekad kita menerima dengan yakinnya bahawa dialek Melayu di Baling merupakan salah satu

varian atau subdialek kepada dialek Melayu Kedah (Abdullah, 1966; Ida, 1969; Shuib, 1971; Abdul Karim, 1971; Asmah, 1979, 2008; Umaiyah Umar, 1999; Nur Faslin, 2015). Sedangkan realitinya tidaklah seperti yang didakwa itu (Shahidi, 2009; Mohd Tarmizi & Mohammad Khairulanwar, 2021). Analisis yang menegaskan dialek Melayu di Baling sebagai subdialek Kedah terjadi kerana kuatnya kebergantungan kepada paradigma sempadan negeri yang dicipta penjajah. Usaha pemetaan dialek daerah, umpamanya dialek di Baling yang belum dihuraikan secara terperinci sistem linguistiknya, benar-benar tergendala dek kebergantungan yang tidak disedari terhadap sempadan dalaman yang hakikatnya bersifat khayalan.

Dalam pada itu, kajian terdahulu mengenai gejala linguistik di Baling juga masih belum konklusif dan boleh juga digambarkan sebagai mengelirukan. Jika ditinjau hasil kajian dialek Melayu di Baling tersebut, ternyata wujud pelbagai andaian yang tidak berasas. Umpamanya, ramai pengkaji mendakwa dialek di Baling adalah subdialek Kedah kerana banyak persamaan dengan dialek Melayu Kedah standard. Namun begitu, penemuan awal oleh Mohd Tarmizi & Mohammad Khairulanwar (2021) secara tidak langsung telah menyanggah pendapat tersebut. Begitu juga wawasan sedia ada mengenai pengelompokan yang dilakukan. Pengkaji menyifatkan pengelompokan lama yang dilakukan oleh sarjana terdahulu sebagai mengelirukan. Oleh hal yang demikian, pemerian awal yang ditampilkan di sini menolak pengelompokan seperti ini, justeru menegaskan bahawa dialek Melayu di Baling perlu dikelompokkan secara tersendiri, mungkin bersekali dengan dialek lain yang ada di sekitarnya, iaitu Sik-Pengkalan Hulu-Gerik-Jeli.

Makalah ini bertujuan untuk membincangkan perkara tersebut dengan mengemukakan satu tesis awal bahawa dialek Melayu di Baling merupakan dialek tersendiri yang perlu dinamakan sebagai dialek Melayu Baling. Dialek ini tidak bernaung dalam kelompok dialek Melayu cabang utara. Kewujudan dialek Melayu Baling dibuktikan menerusi pemerian fonem (inventori dan distribusi) dan ciri fonologinya yang terpisah dari dialek induknya. Beberapa fonem dan ciri fonologi jelas menunjukkan kelainan dialek Melayu Baling dengan dialek Melayu cabang utara, justeru mengesahkan tesis awal makalah ini. Untuk tiba pada tujuan yang digariskan, makalah ini mengupayakan rekonstruksi bentuk purba dialek yang dituturkan di Baling pada suatu masa dahulu. Hasil rekonstruksi adalah penting bagi

memerikan inovasi khas dialek purba tersebut, justeru menegaskan kemandirian dialek Melayu yang dituturkan di Baling pada masa ini.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah deskriptif kualitatif untuk mengenal pasti dan menghuraikan ciri fonologi DMB yang unik ini. Kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan analisis linguistik bandingan sejarawi, dengan matlamat untuk menjelaskan gejalanya menerusi konsep inovasi. Keberadaan ciri ini di Baling turut dijelaskan dengan menerapkan wawasan kontak dialek.

Kawasan Kajian

Baling merupakan salah satu daerah di Kedah. Daerah ini mempunyai lebih daripada 240 buah kampung. Di sepanjang jalan ke daerah Baling terdapat deretan perkampungan Melayu yang terletak di kiri dan kanannya. Setiap kampung ini atau setiap kampung yang berada dalam ukuran jarak tertentu (umpamanya 20 kilometer) secara prinsipnya memperlihatkan variasi pertuturan yang berbeza. Satu contoh sahaja sudah cukup untuk menggambarkan kerencaman dialek di kawasan ini. Misalnya variasi di mukim Siong dan kampung-kampung yang berhampiran dengannya adalah berbeza dengan variasi di kebanyakan kampung di mukim-mukim yang lain.

Melihat kepada kerencaman variasi yang wujud ini, maka timbul satu persoalan yang perlu dijawab secara tuntas, iaitu bagaimanakah pengumpulan data seharusnya dibuat? Adakah pengkaji perlu memasuki setiap buah kampung di Baling untuk mendapatkan datanya? Jika data dikumpul di setiap kampung, maka sudah pasti timbul masalah dari segi kekangan masa. Jadi, apakah solusi yang selayaknya?

Sebagai jalan penyelesaian kepada masalah tersebut, maka pengkaji menggunakan "*perspective of traveler*" seperti yang dicadangkan oleh Chambers dan Trudgill (1998). Konsep ini menawarkan alternatif kepada kita untuk memahami dialek dari perspektif seorang perantau atau pengembara (wisatawan). Menurut konsep ini, sesuatu variasi bahasa dapat dikesan oleh pengembara apabila singgah dari sebuah kampung ke sebuah kampung yang lain. Tatakaedah yang

dicadangkan oleh Chambers dan Trudgill (1998) juga seakan-akan menyamai dua prinsip asas yang dicadangkan oleh Collins (1985, h. 23) dalam kajian dialek Sarawak. Prinsip pertama, pemilihan kampung yang terlibat dalam kajian dibuat berdasarkan pertimbangan geografi seperti pemilihan kawasan kampung di pedalaman yang jauh dari bandar. Prinsip kedua, berpandukan maklumat rakyat setempat (kawasan kampung yang menampakkan kewujudan kelainan varian di daerah ini). Kawasan kajian yang difokuskan adalah di lapang buah mukim (dua buah kampung bagi setiap mukim) sekitar Baling, yang mewakili lapang varian dialek hulu Kedah. Antara mukim yang terlibat termasuklah Bongor (BGR), Teloi Kanan (TKN), Tawar (TAW), Baling (BAL), Pulai (PUL), Bakai (BAK), Kupang (KUP) dan Siong (SIG). Berikut adalah peta yang menunjukkan titik pengumpulan data.

Peta 1

Lokasi Pengumpulan Data



Informan

Setelah selesai persoalan kampung mana yang harus dikunjungi oleh pengkaji, maka tugas seterusnya ialah pemilihan informan yang dianggap ideal dan tepat. Amalan pemilihan informan dalam kajian dialektologi yang bersifat tradisional atau dialek geografi tidaklah begitu rumit. Maknanya, kajian dialek geografi boleh sahaja menggunakan seorang informan sebagai kayu ukur bagi mewakili

ciri linguistik sesebuah kawasan; bukannya aliran linguistik yang kononnya canggih pun menukilkan perspektif yang serupa menerusi premis “*native speaker intuition*”? Perkara yang paling pentingnya ialah informan yang dipilih perlulah bersifat representatif kepada dialek yang dituturkan oleh masyarakat sekitarnya.

Namun begitu, harus juga diakui bahawa jumlah informan perlu juga disesuaikan mengikut keadaan. Jika maklumat yang diberikan seorang informan dirasakan tidak mencukupi dan difikirkan tidak mewakili dialek setempat, maka informan lain perlu dicari dan ditemu bual. Jika maklumat yang diberikan sudah mencukupi, maka informan berkenaan dianggap representatif bagi mewakili masyarakat dialeknya. Pemilihan informan pula tidak dilakukan secara rawak, sebaliknya terkawal iaitu dengan menggunakan formula *NORM/F* (*non-mobile, old, rural, male/female*) (Chambers & Trudgill, 1998). Ada lima orang informan yang ditemu bual di lapangan kajian, dan kelima-limanya mematuhi prinsip *NORM/F* ini.

Data

Pengkaji menggunakan kaedah temu bual dengan memanfaatkan instrumen kajian bagi mencungkil data naratif dan daftar kata. Pertama ialah pengumpulan data melalui teknik naratif atau penceritaan oleh informan. Melalui kaedah ini, informan diminta untuk bercerita mengenai kehidupan sehariannya. Selain cerita yang bersifat umum, pertanyaan bagi menjelmakan kisah-kisah yang menyentuh emosi informan juga turut diajukan. Emosi dalam konteks ini boleh jadi emosi marah, sedih, kelakar dan lain-lain. Faktanya, berada dalam keadaan yang beremosi lebih menjadikan bahasa informan berstatus alamiah.

Perlu diingat juga bahawa pertanyaan tentang emosi tidaklah sewenang-wenangnya menyentuh sensitiviti informan, sebaliknya dikawal untuk hanya menjelmakan emosi yang sesuai dan tidak mengganggu psikologi informan justeru boleh menggagalkan proses pencuplikan data. Antara perkara beremosi yang ditanyakan ialah pengalaman pahit dalam kehidupan mereka seperti diuji banjir besar yang melanda pada penghujung tahun 2018 atau yang terbaharu adalah kesan pandemik COVID-19 terhadap sosioekonomi mereka.

Persoalannya ialah mengapakah pertanyaan yang bersifat emosi ini perlu diajukan? Apakah pewajarannya? Pemakaian kaedah seperti ini

bertujuan untuk mengatasi paradoks pemerhati (*observer's paradoxs*). Paradoks pemerhati boleh diertikan sebagai suatu keadaan di mana fenomena yang diperhatikan secara tidak sengaja yang dipengaruhi oleh kehadiran pemerhati. Pentingnya untuk mengatasi paradoks ini adalah supaya informan mengeluarkan dialek natif yang dimilikinya.

Kaedah temu bual yang kedua adalah melalui daftar kata, iaitu menerusi pertanyaan kata demi kata. Kajian ini menjadikan daftar kata oleh Swadesh (1951) sebagai asas bagi pengumpulan data. Daftar kata Swadesh yang mengandungi sebanyak 200 item asas kemudian ditambah dengan 443 item baharu yang bericirikan persekitaran yang cocok dengan keadaan Alam Melayu.

Rekonstruksi Dalam

Data terkumpul dianalisis berpandukan tatakaedah lazim untuk merekonstruksi bahasa, iaitu rekonstruksi dalaman (Crowley & Bownen, 2010). Berikut ialah pengoperasian tatakaedah ini:

- i. Pengasingan data berunsurkan pinjaman, ikonik/onomatopiea dan kebetulan. Jadi, leksikal seperti [fikir] perlu disisihkan kerana pinjaman Arab.
- ii. Penentuan kata yang berkognat. Kata kognat ialah leksikal yang mempunyai persamaan bentuk dan makna. Misalnya [tanɛ], [tangæ], [tangan] dan [tanae] merupakan kata kognat.
- iii. Penyusunan kesepadanan bunyi setiap leksikal yang dibandingkan. Kesepadanan bunyi disusun seperti berikut:

t	:	a	:	ŋ	:	ɛ	:	Ø
t	:	a	:	ŋ	:	æ	:	Ø
t	:	a	:	ŋ	:	a	:	ŋ
t	:	a	:	ŋ	:	a	:	ɛ

- iv Penentuan fonem purba. Penentuan fonem purba lazimnya dilakukan berdasarkan penyebaran serta analisis fonologi dan perbandingan antara dialek. Dalam kesepadanan (iii), fonem purbanya ialah *t, *a, *ŋ. Akan tetapi, penentuan dua fonem selanjutnya memerlukan analisis fonologi dan perbandingan. Kalau data lebih banyak digunakan, rekonstruksi dua fonem

terakhir ialah *a dan *n. Maka, hasil akhir rekonstruksi bagi kesepadanan di atas ialah *t, *a, *ŋ, *a, *n dengan etimon purbanya ialah *taŋan. Fonem dan etimon hasil rekonstruksi dibubuh tanda asterik yakni (*). Dari segi konvensi linguistik perbandingan bahasa Austronesia, fonem dan etimon yang menerima asterik tunggal merujuk bahasa purba yang lebih tinggi tahapnya. Oleh sebab makalah ini mengupayakan rekonstruksi dialek purba Baling atau diistilahkan juga sebagai dialek perantara, maka yang ditandakan kepada fonem dan etimon purbanya ialah asterik ganda (**). Hal ini bertujuan membezakannya dengan hasil rekonstruksi bahasa yang tahapnya lebih tinggi.

Perlu ditegaskan bahawa penentuan fonem purba mesti melalui beberapa prinsip asas iaitu (Crowley & Bown (2010):

- a. Rekonstruksi mesti melihat kepada perubahan bunyi yang bersifat munasabah, yakni perubahan bunyi yang alamiah.
- b. Sebuah fonem yang distribusinya paling banyak dalam dialek turunan dapat dianggap sebagai pantulan linear fonem purba.
- c. Rekonstruksi mesti mengisi ruang kosong dalam sistem fonologi sesebuah dialek daripada mencipta sistem fonologi yang tidak seimbang dalam dialek berkenaan.
- d. Sebuah fonem purba tidak boleh direkonstruksi sehingga fonem betul-betul wujud dan dapat dibuktikan dalam dialek turunan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dalam bahagian ini, hasil fonem DBP akan diuraikan berdasarkan kepada rekonstruksi fonem yang dilakukan terhadap lapan varian DMB. Aspek yang diuraikan akan menyentuh jumlah inventori dan distribusi fonem DMB. Penyebaran fonem DMB ini juga akan memperlihatkan keberadaan fonem dan bunyi fonem DMB berdasarkan posisinya, iaitu posisi awal, tengah dan akhir kata. Fonem DBP ditandai dengan lambang asterik ganda (**) bagi membezakannya dengan MP yang menggunakan asterik tunggal (*).

Rekonstruksi Vokal DBP

Fakta tentang realisasi vokal DMB boleh dikatakan agak rencam. Kerencaman yang dimaksudkan oleh pengkaji ialah perbezaan pendapat yang wujud antara bahasawan tempatan yang menelitinya. Ini umpamanya terserlah secara khusus dalam polemik ketika para sarjana menetapkan rekonstruksi vokal tinggi bahasa Melayu purba *i dan *u (Asmah, 2008; Collins, 1986). Namun begitu, kerencaman yang wujud ini tidaklah merencatkan usaha pengkaji untuk menetapkan satu wawasan mengenai distribusi fonem vokal DMB. Seperti yang dinyatakan pada bahagian awal bab ini, dialek Melayu hulu Kedah semasa yang dikaji meretensikan vokal MP *i, *a, *ə dan *u. Berikut dipaparkan penyebaran vokal DMB yang dikaji.

Jadual 1

Penyebaran Vokal DMB

Vokal	Suku Kata Praakhir	Suku Kata Akhir
[i]	[i]	[i], [iʷ], [ɛ]
[e]	[e]	[e]
[ɛ]	[ɛ]	[ɛ]
[a]	[a]	[a], [ɐ], [ɛ]
[ə]	[ə]	-
[u]	[u]	[u], [uʷ], [ɔ]
[o]	[o]	[o]
[ɔ]	[ɔ]	[ɔ], [u]

Sistem vokal DMB berkembang daripada sistem vokal BMP *i, *a, *ə dan *u. Dalam sistem ini terdapat tiga vokal depan, iaitu [i, e, ɛ] (pengekaln dan pengembangan daripada BMP *i), dua vokal tengah, iaitu [ə, a] (pengekaln BMP *ə dan *a), dan tiga vokal belakang, iaitu [u, o, ɔ] (pengekaln dan pengembangan BMP *u). Dua vokal tengah iaitu [e] dan [a] melibatkan pengekaln dan inovasi sekali gus. Sistem vokal seperti ini memperlihatkan pola yang simetri, justeru menyamai kebanyakan sistem vokal dalam dialek Melayu lain, umpamanya dialek Melayu Kelantan varian Pasir Mas (Ajid, 1985) dan dialek Melayu Hulu Pahang (Mohd Tarmizi et al., 2014).

Dengan berbekalkan maklumat yang ada ini, maka dapatlah ditetapkan rekostruksi vokal DBP kepada empat vokal, iaitu **i, **a, **ə dan **u. Yang berikut ialah inventori vokal dialek hulu Kedah purba berserta perinciannya.

Jadual 2

Inventori Vokal DBP

	Depan	Tengah	Belakang
Tinggi	**i		**u
Separuh Tinggi			
Separuh Rendah		**ə	
Rendah		**a	

Vokal Tinggi

DBP **ikan > KUP, SIG, PUL, TKN dan BAL [ikan]; BGR, TAW dan BAK [ikɛ]
DBP **kiyi > TKN, TAW dan SIG [kʰiyiʷ]; BGR, BAK, BAL, PUL dan KUP [kiyiʷ]
DBP **kuniŋ > BGR, KUP, BAL, BAK, SIG, TKN, TAW dan PUL [kuniŋ]
DBP **kulit > TKN, PUL, KUP dan BAK [kuleʔ]; BGR, TAW, SIG dan BAL [kulaʷʔ]
DBP **bəli > BGR, BAK, TAW, KUP, SIG, PUL, TKN dan BAL [bəliʷ]

Seterusnya vokal belakang tinggi **u hadir pada posisi awal kata, suku kata praakhir, suku kata akhir tertutup dan akhir kata. Refleks **u pada posisi suku kata akhir tertutup memperlihatkan beberapa bentuk yang berbeza. Misalnya [u], [ɔ] dan [o]. Contoh di bawah ialah refleks DBP **u.

DBP **ula > BGR, TKN, TAW, SIG, BAK, KUP, BAL dan PUL [ulɐ]
DBP **tumpul > TAW, dan PUL [tumpʰo]; BGR, TKN, SIG, BAK, KUP dan BAL [tumpɔ]
DBP **pəyut > TKN, PUL, KUP dan BAK [pyuʔ]; BGR, TAW, SIG dan BAL [pyɔʷʔ]
DBP **siku > KUP, PUL, TAW, SIG, BAK, BGR, BAL dan TKN [sikuʷ]

Vokal Rendah

Vokal depan rendah DBP **a hadir pada semua posisi kata. Konsonan yang mengikuti fonem /a/ pada posisi ini mempengaruhi perubahan bunyi yang berlaku dalam varian-varian di BMD. Refleks DBP **a adalah seperti berikut.

DBP **aka > SIG, TAW, TKN, BAK, BAL, KUP, PUL dan BGR [akɐ]
DBP **baka > SIG, TAW, TKN BAK, BAL, KUP, PUL dan BGR [bakɐ]
DBP **bəlah > SIG, TAW, TKN, BAK, BAL, KUP, PUL dan BGR [blɐh]
DBP **paha > PUL, BAL, TKN dan BGR [pha]; BAK, TAW, KUP dan SIG [pahɐ]

Vokal Tengah Madya

Seterusnya, vokal tengah madya DBP ****ə** hanya hadir pada posisi suku kata praakhir dalam semua varian DMB. Dalam suku kata akhir, vokal tengah madya bahasa Melayu purba ***ə** mengalami inovasi dalam DBP. Vokal DBP ****ə** merupakan warisan secara langsung daripada MP ***ə**. Berikut dipaparkan contoh refleks DBP ****ə**.

DBP ****pəyah** > BAK, TAW, SIG, TKN, KUP, BAL, PUL dan BGR [pyəh]
DBP ****kəlahi** > BAK, TAW, SIG, TKN dan KUP [klahiʔ]; BAL, PUL dan BGR [klaʔ]

Realisasi vokal DMB boleh dikatakan agak rencam. Kerencaman dalam maksud pengkaji adalah perbezaan pendapat yang wujud antara bahasawan tempatan. Umpamanya, polemik ketika para sarjana menetapkan rekonstruksi vokal tinggi bahasa Melayu purba ***i** dan ***u**. Namun begitu, kerencaman yang wujud ini tidaklah merencatkan usaha pengkaji menetapkan satu wawasan mengenai distribusi fonem vokal ini. Seperti yang dinyatakan pada bahagian awal bab ini, DMB semasa yang dikaji meretensikan vokal bahasa Melayu purba ***i**, ***a**, ***ə** dan ***u**.

Rekonstruksi Konsonan DBP

Berdasarkan penyebaran dan perangkat kesepadanan DBP didapati memiliki 18 buah konsonan, iaitu:

Jadual 3

Inventori Konsonan DBP

	Bilabial	Alveolar	Palatal	Velar	Glotal
Plosif	**p **b	**t **d		**k **g	
Nasal	**m	**n	**ɲ	**ŋ	
Frikatif		**s		**ɣ	**h
Afrikat			**c **j		
Lateral		**l			
Separuh vokal	**w		**y		

Kupasan di bawah adalah perincian bersekali dengan contoh refleks bagi setiap konsonan DBP yang direkonstruksi ini.

Konsonan Letupan

Enam konsonan letupan direkonstruksi bagi DMB, iaitu ****p**, ****b**, ****t**, ****d**, ****k** dan ****g**. Rekonstruksi ini ditetapkan berdasarkan kesepadanan distribusi yang berikut:

p	:	p	:	?
b	:	b	:	-
t	:	t	:	?
d	:	d	:	-
k	:	k	:	?
g	:	g	:	-

Konsonan /p/, /t/ dan /k/ hanya muncul pada awal dan antara vokal sahaja. Sebaliknya, di posisi akhir akan direalisasikan kepada hentian glotis [ʔ]. Walau bagaimanapun, perlu dinyatakan sekali lagi di sini bahawa hentian glotis tidak perlu dikonstruksikan sebagai fonem purba. Alasan ini adalah bertunjangkan kepada dua pewajaran berikut:

- i. Seperti yang dinyatakan pada bab lalu, hentian glotis di akhir kata adalah alofon kepada /p/, /t/ dan /k/. Fenomena ini bukanlah sesuatu keadaan yang baharu atau aneh, sebaliknya ia merupakan ciri umum yang memang ada dalam dialek Melayu di Semenanjung. Ciri umum ini boleh dirumuskan seperti berikut:
/p, t, k/ → [ʔ] / __#.
- ii. Jikan hentian glotis ini direkonstruksi juga, maka ia akan menyebabkan sistem konsonan letupan dialek hulu Kedah menjadi tidak seimbang, bahkan mungkin tidak alamiah. Hal ini demikian kerana rekonstruksi hentian glotis secara tidak langsung akan menyebabkan berlakunya pertindihan dengan konsonan-konsonan letupan.

Konsonan letupan dua bibir tidak bersuara ****p** hadir pada awal dan antara vokal, begitu juga dengan konsonan gigi gusi tidak bersuara ****t** dan konsonan letupan langit lembut ****k**. Disebabkan penyebarannya yang sedemikian, ia boleh direkonstruksikan. Hasil rekonstruksi menunjukkan DBP ****p**, ****t** dan ****k** merupakan refleks

secara langsung daripada konsonan bahasa purba yang lebih tinggi tahapnya, iaitu MP *p, *t dan *k. Refleks DBP **p, **t dan **k dalam varian BMD adalah seperti berikut:

DBP **pəyut > TKN, PUL, KUP dan BAK [pyu?]; BGR, TAW, SIG dan BAL [pyɔʷ?]

DBP **api > KUP, PUL, TAW, TKN, BGR, BAL, SIG dan BAK [apiʷ]

DBP **takut > TKN, PUL, KUP dan BAK [taku?]; BGR, TAW, SIG dan BAL [takɔʷ?]

DBP **muntah > TKN, PUL, TAW, KUP, BGR, BAL, BAK dan SIG [munteh]

DBP **kulit > TKN, PUL, KUP dan BAK [kule?]; BGR, TAW, SIG dan BAL [kulaʷ?]

DBP **ikan > KUP, SIG, PUL, TKN dan BAL [ikan]; BGR, TAW dan BAK [ike]

DBP memiliki tiga buah konsonan letupan bersuara, iaitu **b, **d dan **g yang direkonstruksikan hanya pada posisi awal kata dan antara vokal, dan memperlihatkan kesepadanan yang teratur. Maka ketiga-tiga konsonan ini dianggap sebagai fonem DBP. Kemunculan konsonan tersebut dalam DBP merupakan refleks secara langsung daripada MP **b, **d, dan **g. Kehadirannya dalam lapan varian yang dibandingkan adalah seperti di bawah:

DBP **baka > KUP, PUL, TAW, TKN, BGR, BAL, SIG dan BAK [bakɛ]

DBP **yambut > TKN, PUL, KUP dan BAK [yambu?]; BGR, TAW, SIG dan BAL [yambɔʷ?]

DBP **dagu > KUP, PUL, TAW, TKN, BGR, BAL, SIG dan BAK [daguʷ]

DBP **iduŋ > KUP, PUL, TAW, TKN, BGR, BAL, SIG dan BAK [iduŋ]

DBP **guli > KUP, PUL, TAW, TKN, BGR, BAL, SIG dan BAK [guliʷ]

DBP **gigi > KUP, PUL, TAW, TKN, BGR, BAL, SIG dan BAK [gigiʷ]

Konsonan Geseran

Tiga konsonan geseran DBP yang direkonstruksi ialah **s, **y dan **h. Rekonstruksi ini dibuat berdasarkan kesepadanan bunyi yang konsisten dalam DMB, iaitu:

s	:	s	:	[ç] ~ [h]
y	:	y	:	Ø
Ø	:	h	:	h

Konsonan geseran DBP **s dan **y tidak memperlihatkan perbezaan konsonan MP *s dan *y pada tahap bahasa Malayik purba. Hal ini

dikatakan demikian kerana kedua-dua konsonan tersebut memang direkonstruksi dalam kedudukan pada tahap kedua-dua bahasa purba.

Konsonan DBP ****h** yang direkonstruksi dalam semua lingkungan kata, kecuali di posisi awal, dan ini secara tidak langsung membenarkan generalisasi yang dibuat oleh Nothofer (1996) yang mengatakan bahawa kebanyakan dialek Melayu secara konsisten menggugurkan /h/ di awal kata. Antara contoh yang diberikan oleh Nothofer dalam perinciannya itu adalah dialek Melayu Bangka. Malah, dialek hulu Semenanjung Timur purba yang direkonstruksi oleh Mohd Tarmizi (2018) juga turut memperlihatkan generalisasi yang sama.

DBP memiliki tiga buah konsonan geseran, iaitu geseran alveolar ****s**, geseran velar ****ɣ** dan geseran glotis ****h**. Konsonan geseran alveolar ****s** ini hanya muncul pada awal dan antartvokal sahaja. Walau bagaimanapun, setelah penelitian dibuat, DBP ****s** sebenarnya muncul pada posisi akhir kata, namun ia muncul sebagai geseran glotis [h]. Namun, bagi varian TAW, TKN dan SIG, ****s** pada posisi akhir kata akan muncul sebagai [ç]. Refleks konsonan geseran dalam varian BMD adalah seperti berikut:

DBP ****siku** > PUL, TKN, BAK, BAL, SIG, TAW, BGR dan KUP [siku^w]
 DBP ****kasa** > KUP, PUL, TAW, TKN, BGR, BAL, SIG dan BAK [kase]
 DBP ****panah** > KUP, PUL, TKN dan BAK [panah]; TAW, BAL, SIG dan BGR [panaç]
 DBP ****ɣumah** > KUP, PUL, TAW, TKN, BGR, BAL BAK dan SIG [ɣumeh]
 DBP ****iyih** > TAW, BAL, SIG dan BGR [iyeç]; KUP, PUL, TKN dan BAK [iyih]
 DBP ****atap** > KUP, TAW, TKN, BGR, SIG, PUL, BAL dan BAK [ataʔ]
 DBP ****lihi** > KUP, PUL, TAW, TKN, BGR, BAL, SIG dan BAK [lehe]
 DBP ****ɣumah** > KUP, PUL, TAW, TKN, BGR, BAL BAK dan SIG [ɣumeh]

Konsonan Letusan

Terdapat dua konsonan letusan dalam DMB yang dikaji, iaitu /c/ dan /j/. Kehadiran kedua-duanya di hulu Kedah sangat konsisten. Hal ini dapat dilihat dalam perangkat kesepadanan bunyi berikut:

c	:	c	:	-
j	:	j	:	-

Berdasarkan kesepadanan tersebut, konsonan /c/ dan /j/ hanya muncul di posisi awal dan tengah kata sahaja, tetapi tidak pada posisi akhir

sebelum kesenyapan. Oleh sebab itu, konsonan DBP ****c** dan ****j** hanya direkonstruksi pada dua posisi sahaja, iaitu awal dan tengah. Berikut dipaparkan contoh penyebaran konsonan letusan dalam DBP:

DBP ****j**alan > KUP, SIG, PUL, TKN dan BAL [jalan]; BGR, TAW dan BAK [jalɛ]
 DBP ****t**ajan > BGR, TAW dan BAK [tajɛ]; KUP, SIG, PUL, TKN dan BAL [tajan]
 DBP ****ci**un > KUP, TKN, SIG, PUL, BAL dan SIG [ciʔun]; BGR dan BAK [cʰom]
 DBP ****cu** > KUP, PUL, BGR, SIG, TAW, TKN, BAL dan BAK [cucuʔ]

Konsonan Nasal

Kesepadanan konsonan bunyi nasal adalah seperti berikut:

m	:	m	:	ŋ
n	:	n	:	ŋ
ɲ	:	ɲ	:	Ø
ŋ	:	ŋ	:	ŋ

Berdasarkan kesepadanan ini, konsonan DBP yang direkonstruksikan ialah ****m**, ****n**, ****ɲ** dan ****ŋ**. Kesepadanan tersebut menunjukkan bahawa nasal /m/ menyatu menjadi [ŋ] di posisi akhir kata. Hal ini turut berlaku kepada nasal /n/ yang menyatu menjadi [ŋ]. Penemuan ini cukup menarik. Hal ini demikian kerana penyatuan nasal ****m** dan ****n** kepada [ŋ] seakan-akan menyamai fenomena di Hulu Terengganu. Hakikatnya ialah inovasi BMP ****m**, ****n** > [-ŋ] dalam DHK boleh dianggap sebagai ciri khas DMB, malah di kawasan Hulu Perak Utara juga turut merekodkan kejadian yang hampir serupa (Nur Habibah & Rahim Aman, 2020).

Memerhatikan keterbatasan lingkungannya dengan lebih terperinci menunjukkan bahawa perubahan BMP ****m**, ****n** > [-ŋ] dalam DMB ini memiliki nilai yang serupa dengan gejala nasal akhir dalam dialek Melayu Hulu Kelantan. Dalam dialek yang dituturkan di lembangan Sungai Nenggeri tersebut, nasal akhir BMP dalam urutan ***-an** berubah menjadi [-aŋ] ketika lingkungan lain memperlihatkan perubahan, serta dialek-dialek di bahagian hilir pula menunjukkan arah inovasi yang berbeza (Mohd Tarmizi, 2020). Begitu juga dengan dialek Melayu Hulu Tembeling seperti yang dituturkan di Kampung Kuala Sat (Mohd Tarmizi, 2022). Contoh penyebaran konsonan nasal DBP yang telah direkonstruksi adalah seperti yang berikut:

DBP **miyah > KUP, TAW, SIG, BAK, PUL, BAL, TKN dan BGR [meyeh]
 DBP **yumah > KUP, PUL, TAW, TKN, BGR, BAL, BAK dan SIG [yumeh]
 DBP **nipih > KUP, PUL, TKN dan BAK [nipih]; TAW, BAL, SIG dan BGR [nipiç]
 DBP **panah > KUP, PUL, TKN dan BAK [panah]; TAW, BAL, SIG dan BGR [panaç]
 DBP **jamuk > BGR, TAW, SIG dan BAL [jamɔʷ?]; TKN, PUL, KUP dan BAK [jamuʔ]
 DBP **anj > BGR, TAW, SIG dan BAL [aneʲŋ]; TKN, PUL, KUP dan BAK [anjŋ]
 DBP **minak; KUP, TKN, SIG, PUL, TAW, BGR, BAL dan BAK [minɛʔ]
 DBP **ŋaja > KUP, TAW, BAK PUL, TKN, BGR, BAL dan SIG [ŋaje]
 DBP **təŋelan > KUP dan BAK [təlan]; TKN, SIG, TAW dan PUL [təŋelan]; BGR dan BAL [təgelan]
 DBP **pinang > BGR, BAK dan KUP [piŋe]; KUP, SIG, PUL, TKN dan BAL [piŋaŋ]

Konsonan Sisian

Terdapat satu konsoanan sisian dalam DMB, iaitu /l/. Oleh sebab kewujudannya itu, maka **l direkonstruksi pada tahap DBP. Rekonstruksi ini muncul bersama kesepadanan bunyi yang berikut:

l : l : Ø

Kesepadanan bunyi menunjukkan bahawa konsonan DBP **l hanya direkonstruksi pada kedudukan awal dan tengah kata sahaja. Konsonan /l/ sama sekali tidak direkonstruksi di akhir kata sebelum kesenyapan. Pengguguran pada akhir kata merupakan salah satu inovasi yang memisahkan DBP daripada bahasa Melayu purba. Contoh penyebarannya dapat dilihat dalam jadual yang berikut:

DBP **layi > SIG, KUP, PUL, TAW, BAK, BGR, TKN dan BAL [layiʲ]
 DBP **tulan > BGR, BAK dan KUP [tule]; KUP, SIG, PUL, TKN dan BAL [tulan]
 DBP **tali > SIG, KUP, PUL, TAW, BAK, BGR, TKN dan BAL [taliʲ]

Separuh Vokal

Dua fonem separuh vokal, iaitu DBP **w dan DBP **y, hanya direkonstruksi pada posisi di antara vokal. Rekonstruksi ini ditetapkan berdasarkan kesepadanan bunyi berikut:

-	:	w	:	-
-	:	y	:	-

Rekonstruksi DBP **w dan DBP **y hanya hadir pada posisi di antara vokal menunjukkan bahawa DBP mengekalkan penyebaran separuh vokal bahasa Melayu purba seperti yang direkonstruksi oleh Adelaar (1992). Berikut dipaparkan contoh bagi konsonan purba yang dibincangkan ini.

DBP **sawa > TKN, BGR, BAL, BAK, SIG, KUP, PUL dan TAW [sawə]
 DBP **kayu > KUP, PUL, TAW, TKN, BGR, BAL, SIG dan BAK [kayu^w]
 DBP **layu > KUP, PUL, TAW, TKN, BGR, BAL, SIG dan BAK [layu^w]

Rekonstruksi fonem separuh vokal hanya hadir di tengah kata. Selain daripada posisi tersebut, fonem ini tidak direkonstruksi. Hal ini demikian kerana ketiadaan bukti kata asli dialek Melayu hulu yang dapat menyokong kewujudannya, selain daripada kata pinjaman daripada bahasa lain. Akan tetapi, perlu diketahui bahawa syarat utama rekonstruksi bahasa purba ialah penyingkiran kata pinjaman walaupun yang dipinjam daripada bahasa sekerabat.

Rangkap Fonem

DMB turut memperlihatkan kehadiran rangkap fonem, iaitu rangkap nasal oral. Rangkap ini merujuk deretan dua konsonan yang muncul secara bersebelahan, iaitu yang terdiri daripada satu bunyi nasal dan satu bunyi oral tanpa disela oleh bunyi-bunyi lain di antaranya (Mohd Tarmizi & Mohammad Khairulanwar, 2021). Dalam DMB, rangkap nasal-oral boleh dibahagikan kepada dua, iaitu (i) nasal + oral berhomorganik dan (ii) rangkap nasal + oral tak berhomorganik. Namun begitu, yang akan dibincangkan pada bahagian ini bukanlah pecahan nasal homorganik dan nasal tak homorganik, sebaliknya adalah mengenai rekonstruksinya. Konsonan rangkap, dalam pengertian nasal berhomorgan, iaitu **-mp-, **-mb-, **-nt-, **-nd-, **-ŋk-, **-ŋg-, **-ŋj- dan **-jnc- turut direkonstruksi dalam DBP. Kesejajaran yang menunjukkan kewujudan nasal homorgan purba ini terdapat dalam kesepadanan ini, iaitu [-mp-], [-mb-], [-nd-], [-nt-], [-ŋk-], [-ŋg-], [-ŋj-], [-jnc-]. Kehadiran nasal homorgan dalam DMB dapat dilihat menerusi data dalam Jadual 4.

Jadual 4

Nasal Homorgan DBP

DBP	DMB
**yambut	[ɣambuʔ] ~ [ɣambuʷʔ]
**əmpat	[mpʰaʔ] ~ [pʰaʔ]
**bərandə	[bəɣanda] ~ [byando] ~ [bəɣedə]
**panjang	[paŋjaŋ] ~ [paŋjɛ] ~ [paŋɛ]
**kəŋciŋ	[keːceŋ] ~ [kəŋce]
**taŋgɔ	[taŋgɔ] ~ [taŋa] ~ [taŋga]
**lantay	[laːtɛ] ~ [laːta] ~ [lantæ]
**baŋkay	[bakʰæ] ~ [bakʰɛ] ~ [baŋkɛ] ~ [bakʰe]

Dapat diperhatikan daripada contoh yang diberikan ini bahawa rangkap fonem dalam urutan nasal homorganik memperlihatkan struktur yang berikut:

- Segmen nasal digugurkan apabila mengikuti konsonan [-suara] meninggalkan ciri pemanjangan pada vokal. Ada kekecualian pada kata [ləmu] yang menunjukkan konsonan [+suara] yang hadir selepas nasal juga digugurkan. Asmah (2008) memberikan contoh [tambɔh] bagi dialek Patani Baling yang hanya menunjukkan pelemahan konsonan [+suara], bukannya pengguguran. Bagi Asmah, gejala yang diperlihatkan dalam contoh [ləmu] diakibatkan oleh pengaruh dialek Melayu Patani.
- Segmen nasal homorganik dikekalkan dalam urutan nasal + konsonan [+suara].

Hasil perbincangan tersebut membolehkan satu kesimpulan dibuat mengenai penyebaran konsonan DBP yang telah direkonstruksi, iaitu:

Jadual 5

Penyebaran Konsonan DBP

Fonem Purba	Awal Kata	Antara Vokal	Akhir Kata
**p	**p	**p	**p
**b	**b	**b	-
**t	**t	**t	**t

(continued)

Fonem Purba	Awal Kata	Antara Vokal	Akhir Kata
**d	**d	**d	-
**k	**k	**k	**k
**g	**g	**g	-
**m	**m	**m	Ø
**n	**n	**n	Ø
**ŋ	**ŋ	**ŋ	**ŋ
**ɲ	**ɲ	**ɲ	-
**l	**l	**l	Ø
**s	**s	**s	**s
**ɣ	**ɣ	**ɣ	Ø
**h	**h	**h	**h
**c	**c	**c	-
**j	**j	**j	-
**w	-	**w	-
**y	-	**y	-

Inventori fonem dan analisis beberapa ciri fonologi membuktikan dua perkara. Pertama, DMB terpisah daripada cabang dialek Semenanjung utara. Dengan kata lain, dialek ini bukan “subdialek” kepada dialek Melayu Kedah. Kedua, oleh sebab dialek ini terpisah daripada induk yang sering diuar-uarkan selama ini, maka DMB memerlukan pengelompokan yang tersendiri. Kesimpulan ini berbeza dengan tanggapan para pengkaji lepas yang menyatakan DMB sebagai “subdialek” kepada dialek Melayu Kedah, maka seharusnya bernaung di bawah cabang dialek tersebut (Asmah, 2008; Nur Faslin, 2015).

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, makalah ini telah membincangkan rekonstruksi fonem purba DBP terhadap kesemua lapan varian DMB, iaitu KUP, PUL, TAW, TKN, BGR, BAL, SIG dan BAK. Analisis rekonstruksi yang dilakukan menunjukkan bahawa DBP hanya memiliki empat fonem vokal purba, iaitu **i, **u, **a dan **ə. Manakala konsonan DBP pula memiliki 18 buah konsonan purba yang terdiri daripada **p, **b, **t, **d, **k, **g, **s, **h, **ɣ, **m, **n, **ɲ, **ŋ, **c, **j, **l, **w, dan **y. Begitulah hasil tinjauan berdasarkan ilmu linguistik bandingan terhadap dialek Melayu Baling.

Selain itu, keberadaan ciri-ciri yang dibentangkan pada bahagian lalu secara tidak langsung menatijahkan satu kesendengan bahawa

DMB bukanlah subdialek kepada dialek Melayu Kedah tetapi dialek tersendiri yang memerlukan pengelompokan baharu. Yang menjadi persoalan kini ialah apakah kelompok dialek yang sesuai untuk menaungi DMB? Mungkinkah ada cabang dialek Melayu baharu yang merangkaikan dialek Melayu di Baling-Sik-Padang Terap-Kuala Nerang-Hulu Perak Utara? Kewujudan kelompok dialek hulu Melayu ini sangat relevan untuk difikirkan. Semua kawasan ini memang berada dalam lingkungan geografi yang berdekatan. Jadi, kemungkinan untuk berlakunya kesamaan dari segi linguistik itu sangat tinggi. Kontak manusiawi khususnya yang berkait dengan migrasi dan sejarah juga boleh difikirkan sebagai faktor yang relevan sebagai sebab keserupaan linguistik khususnya yang terkait dengan gejala aspirasi.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan proses penerbitan makalah ini.

PENDANAAN

Kajian ini didanai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (MoHE) menerusi Fundamental Research Grant Scheme (FRGS-Racer) (RACER/1/2019/SSI01/UUM//1).

SUMBANGAN PENGARANG

Kesemua bahagian dalam penulisan ini dihasilkan secara bersama oleh kedua-dua penulis makalah.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan bagi penyelidikan ini dan tiada potensi konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (1966). *Perbandingan tatabunyi antara dialek Kedah dengan dialek Perak*. [Tesis sarjana muda yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Abdul Karim Ismail. (1971). *Dialek Baling (Sifat-sifat umum dan kumpulan teks)* [Tesis sarjana muda yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Adelaar, K. A. (1992). *Proto Malayic: The reconstructions of phonology and parts of its morphology and lexicon*. Pacific Linguistics series. The Australia National University.
- Ajid Che Kob. (1985). *Dialek geografi Pasir Mas*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Hj. Omar. (1979). *Darulaman: Essay on linguistic, cultural and socio-economic aspects of the Malaysian State of Kedah*. Penerbit Universiti Malaya.
- Asmah Hj. Omar. (2008). *Susur galur bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chambers, J. K., & Trudgill, P. (1998). *Dialectology*. Edisi kedua. Cambridge University Press.
- Collins, J. T. (1985). Dialek Melayu Pulau Tioman dan rekonstruksi bahasa Melayu Purba. *Dewan Bahasa*, 5, 369-383.
- Collins, J. T. (1986). Pendahuluan. Dalam James T. Collins (Pengumpul dan penterjemah), *Penyusunan salasilah bahasa di Malaysia: Kumpulan karya R. A. Blust*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, J. T. (1989). Antologi dialek Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J. T. (1999). *Wibawa bahasa: Kependawaian dan kepelbagaian*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Crowley, T., & Bower, C. (2010). *An introduction to historical linguistics*. Cambridge University Press.
- Ida Ahmad. (1969). Fonologi bahasa Kedah. *Dewan Bahasa*, 13(12), 531-537.
- McDavid, R. I. (1974). *A manual for dialect research in the Southern States*. The University of Alabama Press.
- Mohd Tarmizi Hasrah & Mohammad Khairulanwar Abd. Ghani. (2021). Dialek Melayu Baling: Satu pemerian awal. *Jurnal Bahasa*, 21(1), 193-216. [http://doi.org.10.37052/jb21\(2\)no2](http://doi.org.10.37052/jb21(2)no2).
- Mohd Tarmizi Hasrah, Shahidi A. H., & Rahim Aman. (2014). *Fosil dialek Hulu Pahang*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohd Tarmizi Hasrah. (2018). Dialek Melayu hulu dan hilir di timur Semenanjung Malaysia. *Jurnal Bahasa*, 18(1), 65-102.
- Mohd Tarmizi Hasrah. (2019). Penasalan vokal dalam dialek Melayu Hulu Pahang. *Jurnal Bahasa*, 19(2), 199-230.
- Mohd Tarmizi Hasrah. (2020). Dialek Pasir Raja: Ciri fonologi dan pengelompokan. *Jurnal Bahasa*, 20(2), 173-202.
- Mohd Tarmizi Hasrah. (2022). *Dialek Melayu Hulu di Semenanjung Timur*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. (1983). Penggunaan dialek dalam kesusasteraan Melayu. Dlm. Nik Safiah Karim (Pnyt.), *Rampaian Linguistik Malaysia Kumpulan Makalah Persatuan Linguistik Malaysia*. Pustaka Ilmu Raya Sdn. Bhd.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2023). Elemen bahasa, budaya dan persekitaran dalam ekolinguistik. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 2(1), 1–21. <https://doi.org/10.32890/rentas2023.2.1>.
- Nothofer, B. (1993). Cita-cita penelitian dialek. Dlm. Farid M. Onn & Ajid Che Kob (Pnyt.). *Simposium dialek: Penyelidikan dan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Faslin Sulaiman. (2015). *Sistem fonologi subdialek Baling, Kedah* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Nur Syazwani Salam & Sharifah Raihan Syed Jaafar. (2019). Perilaku fonologi konsonan di akhir kata dialek Petani Sik. *Journal of Nusantara Studies*, 4(1) 316-343.
- Nur Habibah Che Rosdi & Rahim Aman. (2020). Varian Hulu Perak Utara: Fenomena di Gerik dan Pengkalan Hulu. *Jurnal Melayu*, 19(2), 216-243.
- Raja Mukhtaruddin Raja Mohd Dain. (1982). *Ilmu fonetik dan linguistik*. Agensi Penerbitan Nusantara.
- Sueren, P. A. M. (1998). *Western linguistics: A historical introduction*. Blackwell Publishing.
- Simanjuntak, M., & Ramli Salleh. (1982). Perubahan-perubahan bunyi bahasa: Satu kajian bahasa Melayu Melaka. *Jurnal Budaya Melayu*, 5, 4-30.
- Shahidi A. Hamid. (2009). Alternasi dalam fonologi subdialek Kedah Utara. *Jurnal Bahasa*, 9(2), 302-325.
- Shuib Ismail. (1971). Dialek Kedah pesisiran: Satu kumpulan teks serta pembicaraan linguistik [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.

- Swadesh, M. (1951). Diffusional cumulation and archaic residue as historical explanations. *Southwestern Journal of Anthropology*, 7(1), 1-21.
- Tajul Arippin Khasin. (2002). Penasalan vokal dalam bahasa Melayu standard dan dialek Patani Gerik: Satu huraian perbandingan. *Jurnal Bahasa*, 2(3), 374-395.
- Tajul Arippin Khasin & Tarmiji Misron. (2014). Persamaan dan perbezaan fonologi dialek Melayu Patani Gerik, Lenggong, Batu Kurau. Dlm. Noriah Mohamed & Radiah Yusoff (Eds.), *Pendekatan konstrasif dan komparatif bahasa-bahasa di Malaysia*. Universiti Sains Malaysia.
- Trudgill, P. (2011). *Sociolinguistic typology: Social determinants of linguistics complexity*. Oxford University Press.
- Umaiyyah Umar. (1999). *A classification of Thai-Kedah dialect using phonological characteristics* [Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya
- Zaharani Ahmad. (1993). *Fonologi generatif: Teori dan penerapan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad. (2006). Kepelbagaian dialek dalam Bahasa Melayu: Analisis tatatingkat kekangan. *E-Bangi*, 1(1), 1-26.